

28/07/1999

22,250 sertai jamuan mesra bersama PM

SEREMBAN, Selasa - Jamuan Malam Mesra Bersama Perdana Menteri anjuran Barisan Nasional (BN) negeri di Padang NS, di sini pada 12 Ogos ini dipercayai akan mencatat rekod dunia apabila dihadiri 22,250 jemputan serentak terdiri daripada rakyat jelata dan pemimpin pelbagai kaum.

Di majlis itu, 2,255 meja akan diletakkan di atas padang berkenaan berhadapan pentas khas yang dihias indah, termasuk lukisan mural batik memaparkan kemajuan Malaysia, dijangka dimasukkan dalam Guinness Book of Records.

Ahli Exco yang juga Pengerusi Jawatankuasa Jamuan Malam Mesra Bersama Perdana Menteri, Datuk Dr Yeow Chai Thiam memberitahu sidang akhbar di sini, hari ini, majlis itu bermula pada jam 7.30 malam diadakan sempena lawatan kerja Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Negeri Sembilan.

Pada 1997, jamuan diadakan di tempat yang sama bagi meraikan Dr Mahathir dan dihadiri 20,200 jemputan. Ia dicatatkan dalam Malaysian Book of Records.

Beliau berkata, tiket untuk jamuan itu RM20 seorang, sudah habis dijual dan jawatankuasa puas hati dengan sambutan semua pihak untuk memeriahkan majlis bersama Perdana Menteri itu.

"Walaupun, jumlah rasmi yang ditetapkan ialah 22,250 orang, ia meningkat kepada kira-kira 23,000 jika disatukan sekali dengan bilangan pelayan yang terbabit menyediakan makanan pada malam itu, iaitu seramai 250," katanya.

Menurutnya, jawatankuasa sedang membuat pelbagai persiapan untuk majlis itu dan ia akan berjalan lancar mengikut jadual. Pemimpin komponen BN, iaitu Umno, MCA, MIC dan Gerakan akan turut hadir.

(END)